



TEKS UCAPAN

**YB DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB
MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH**

SEMPENA

**MAJLIS SAMBUTAN 50 TAHUN
PELABURAN MARA BERHAD &
HARI RAYA AIDIL FITRI serta PELANCARAN DANA**

SIME DARBY CONVENTION CENTRE, KUALA LUMPUR

**17 JULAI 2017 (ISNIN)
WAKTU KETIBAAN : 4.30 PETANG**

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Tuan / Puan Pengacara Majlis.

Bismilahir Rahmannir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia

- Saudari Pengacara Majlis
- YB Datuk Alexander Nanta Linggi, Timbalan Menteri KKLW
- YB Datuk Haji Jazlan Yaakub, Timbalan Menteri KKLW
- YBhg. Datuk Borhan Dolah, Ketua Setiausaha KKLW
- YBhg Dato' Azizan Mohamad Sidin, Timbalan Ketua Setiausaha, KKLW
- Yang Berbahagia Dato' Azhar Bin Abdul Manaf, Ketua Pengarah MARA
- Yang Berusaha Dato' Nazim Rahman, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Pelaburan MARA Berhad
- Ahli-ahli Majlis MARA
- Ahli-ahli Lembaga Pengarah Kumpulan Pelaburan MARA Berhad dan anak-anak syarikatnya
- Yang Berbahagia Tan Sri-Tan Sri, Puan Sri-Puan Sri, Dato'-Dato', Datin-Datin
- Pengamal media
- Tuan-tuan dan Puan-puan sidang hadirin yang dihormati sekalian.

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah dan kurniaNya kita semua dapat berkumpul dan diberi kesempatan untuk bersama-sama hadir pada petang ini dalam Majlis Sambutan 50 Tahun Pelaburan Mara Berhad & Hari Raya Aidil Fitri serta Pelancaran Dana.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak Pelaburan MARA Berhad kerana sudi menjemput saya untuk bersama-sama sidang hadirin sekalian ke majlis yang cukup meriah ini.

Walaupun hari ini sudah menjangkau 23 Syawal, tidak terlambat rasanya untuk saya mengucapkan Salam Aifil Fitri, Maaf Zahir dan Batin kepada semua hadirin sekalian.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

Pelaburan MARA Berhad yang dahulunya dikenali sebagai Amanah Saham MARA Berhad merupakan pelopor saham amanah Bumiputera negara. Secara rasminya, Pelaburan MARA Berhad ditubuhkan pada 24 Jun 1967 sebagai Amanah Saham MARA Berhad. Saya percaya golongan muda tidak mengetahui yang Pelaburan MARA mula beroperasi setahun selepas MARA ditubuhkan pada 1966. Syarikat ini lahir daripada aspirasi Kerajaan Malaysia yang pada waktu itu mahukan golongan Bumiputera terlibat secara langsung dalam ekonomi negara terutamanya mempunyai pegangan ekuiti di syarikat-syarikat tersenarai di Pasaran Saham Malaysia-Singapura. Allahyarham Tun Abdul Razak yang pada ketika itu merupakan Timbalan Perdana Menteri dan juga Menteri Pembangunan Luar Bandar telah dipertanggungjawabkan untuk merealisasikan harapan ini dan MARA telah diamanahkan untuk menggalas tugas tersebut.

Nama Amanah Saham MARA Berhad kekal sehingga syarikat ini melalui proses penjenamaan semula pada 2012 dengan pengenalan logo syarikat baharu dan penukaran nama kepada Pelaburan MARA Berhad.

Lima dekad berlalu, Amanah Saham MARA Berhad dan kini Pelaburan MARA Berhad telah menempuhi pelbagai rintangan dan ranjau serta pusingan pasaran untuk kekal beroperasi hingga ke hari ini. Ia juga telah melalui pelbagai proses penjenamaan semula agar terus relevan dengan industri dan masyarakat pelabur. Sebagai sebuah organisasi yang 'hidup', Pelaburan MARA terus berusaha untuk menyesuaikan diri agar mampu memenuhi kehendak pasaran. Apa yang ingin saya tekankan di sini ialah Pelaburan MARA telah melalui banyak rintangan dan penstrukturan organisasi, namun apa yang signifikan ialah, ia terus mampan, berprestasi tinggi dan kekal sehingga ke hari ini.

Dalam menyambut Ulang Tahun Pelaburan MARA ke 50 ini, saya amat bersyukur melihat Pelaburan MARA kekal dan semakin berkembang sejak awal penubuhannya dan sehingga kini telah banyak inisiatif baru yang diperkenalkan. Jika ingin

disenaraikan pencapaian serta inisiatif yang telah diperkenalkan oleh Pelaburan MARA dalam tempoh lima dekad ini, saya percaya akan mengambil masa yang lama. Tambahan pula, Pelaburan MARA merupakan salah satu daripada pemain industri Bumiputera yang turut sama membentuk lanskap kewangan negara dengan penglibatannya dalam industri ini sejak lima dekad lalu.

Dan diatas pencapaian itulah juga, pada hari ini, Pelaburan MARA akan mendapat pengiktirafan daripada The Malaysia Book of Records sebagai syarikat pengurusan saham amanah paling lama beroperasi di Malaysia bagi kategori perniagaan. Saya difahamkan pengasingan fungsi di antara pentadbiran perniagaan yang diuruskan Pelaburan MARA dan pengurusan pelaburan melalui syarikat kumpulannya iaitu PMB Investment untuk aktiviti pengurusan saham amanah tidak menjejaskan objektif untuk merekodkan Pelaburan MARA sebagai syarikat pengurusan unit amanah paling lama beroperasi di Malaysia. Pengiktirafan ini meletakkan Pelaburan MARA sebagai pemegang rekod kebangsaan selain diangkat sebagai "*The Best of Nation*" dalam kategori perniagaan. Tahniah! Sekali lagi kepada Pelaburan MARA.

Saya ingin mencadangkan kepada Dato' Nazim dan pihak pengurusan Pelaburan MARA untuk menerbitkan sebuah buku yang merakamkan sejarah serta pengalaman syarikat ini agar boleh dikongsi dengan rakyat Malaysia.

Setelah melalui pelbagai cabaran dan rintangan untuk kekal dalam industri pelaburan dan kewangan yang cukup mencabar ini, Pelaburan MARA telah mempelbagaikan aktiviti perniagaannya iaitu perkhidmatan kewangan, khidmat nasihat korporat, pengurusan aset, pelaburan dan perkhidmatan data pelaburan. Tumpuannya adalah untuk memberi pulangan berpatutan kepada masyarakat pelabur dan pemegang saham.

Dalam pengurusan saham amanah, persaingan sengit dalam industri ini dan para pelabur yang semakin bijak dalam membuat keputusan pelaburan mendorong Pelaburan MARA menerusi syarikat kumpulannya iaitu PMB Investment Berhad untuk menawarkan dana-dana yang berprestasi tinggi yang turut melepasi penanda aras FBM Emas Shariah.

Sehubungan dengan itu, bagi mengambil kesempatan di atas strategi pelaburan yang digunakan oleh PMB Investment untuk dana-dananya yang berprestasi tinggi, saya sendiri telah berbincang dengan Dato' Nazim, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Pelaburan MARA dan Encik Najmi Mohamed, Ketua Pegawai Eksekutif PMB Investment untuk membentuk satu dana saham amanah khas untuk komuniti Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah yang merangkumi kakitangan, koperasi dan peneroka yang berada di bawah agensi-agensi dan anak-anak syarikat kementerian. Saya difahamkan PMB Investment akan menggunakan strategi pelaburan yang sama seperti dana-dana berprestasi tinggi yang berjaya memberi pulangan yang menggalakkan. Sebagai contoh PMB Shariah Aggressive Fund, yang mana dana tersebut terus menerus berada di kedudukan teratas senarai dana saham amanah tempatan. Saya sendiri telah melabur dalam dana-dana yang diuruskan oleh PMB Investment dan sehingga hari ini prestasi dana-dana tersebut sangat menggalakkan.

Dengan yang demikian sidang hadirin sekalian, dana yang dipilih untuk memenuhi impian ini ialah PMB Dana Mutiara yang akan saya lancarkan sebentar lagi. PMB Dana Mutiara ialah dana syariah ekuiti pertumbuhan dan pendapatan, sesuai untuk mereka yang inginkan pelaburan stabil untuk tempoh masa sederhana hingga panjang malah ianya juga sesuai untuk mereka yang mahu membuat perancangan kewangan bagi pesaraan.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

Apa yang menarik dengan dana saham amanah ini ialah, ia turut menawarkan perlindungan takaful keluarga berkelompok kepada pelabur yang layak. Dengan pelan pelaburan serampang dua mata ini, selain peluang untuk meraih pulangan menerusi pelaburan, para pelabur juga layak mendapat perlindungan takaful. Saya yakin, dengan adanya lebih ramai penglibatan masyarakat melabur dalam produk pelaburan yang sah dan halal, akan dapat menyumbang kepada usaha Kerajaan mengukuhkan ekonomi dengan mengambil bahagian dalam pertumbuhan ekonomi negara melalui penyertaan dalam pelaburan saham amanah.

Untuk makluman sidang hadirin sekalian, KKLW mempunyai 9 agensi dan 121 buah anak syarikat dengan jumlah keseluruhan kekuatan anggota kerja hampir 44 ribu

orang. Pada hari ini, saya menyarankan semua warga dan komuniti KKLW melabur dalam dana kita, iaitu PMB Dana Mutiara.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengumumkan bahawa, komuniti KKLW akan menikmati potongan caj jualan sebanyak 50% jika melabur dalam dana ini di sepanjang tempoh tawaran. Pihak PMB Investment pula akan menganjurkan jerayawara (*roadshow*) ke semua agensi KKLW untuk berkongsi maklumat tentang dana ini serta dana-dana lain.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Apa yang mendesak saya untuk membentuk sebuah dana saham amanah khusus untuk komuniti KKLW ialah kerana saban tahun ramai di antara masyarakat kita masih terjebak dengan skim cepat kaya.

Skim yang menjanjikan kadar pulangan lumayan menyebabkan sesetengah orang ingin memperoleh wang banyak dalam tempoh singkat, akhirnya menjadi mangsa penipuan oleh kumpulan-kumpulan yang menjalankan skim cepat kaya ini.

Mengikut perangkaan, sehingga akhir Jun 2017, Bank Negara Malaysia telah menyenaraikan 334 syarikat yang menawarkan skim haram ini dan dianggarkan 400 ribu individu dipercayai telah menjadi mangsa. Walaupun Bank Negara Malaysia (BNM) sering memberi nasihat kepada orang ramai dengan mengeluarkan peringatan dan kenyataan agar jangan terpedaya dengan syarikat-syarikat haram ini, namun masih ada juga yang menjadi mangsa, gara-gara ingin cepat kaya. Tiada sebarang bentuk pelaburan yang menjanjikan pulangan tinggi dalam masa singkat. Saya menyeru orang ramai pilihlah saluran pelaburan sah dan patuh syariah serta disahkan oleh kerajaan.

Hadirin sekalian,

Sebelum saya mengakhiri ucapan, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Ulang Tahun ke-50 kepada Kumpulan Pelaburan MARA Berhad, moga terus maju mengorak kejayaan!

Dengan lafaz Bismillah-ir Rahman-ir Rahim, saya dengan sukacitanya melancarkan PMB Dana Mutiara.

Wabillahi al-Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Terima kasih.